

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II 2019/2020
FAKULTI SAINS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

LAMPIRAN 2: PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN AKHIR KEPADA PELAJAR.

Pelajar dikehendaki mematuhi panduan dan arahan yang dikeluarkan ini. Pelajar dikehendaki merujuk kepada pensyarah untuk kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir bagi kursus masing-masing atau untuk sebarang pertanyaan.

1. Panduan umum

- Pelajar dikehendaki menyemak kaedah pelaksanaan peperiksaan, serta mengikut masa dan tempoh peperiksaan kursus masing-masing.
- Pelajar dimohon memeriksa akses dan capaian internet masing-masing.
- Jika capaian internet terputus ketika diperlukan, pelajar dimohon merekodkan permasalahan tersebut dan memaklumkan kepada pensyarah dengan segera.
- Pelajar dimohon mencari kedudukan dan kawasan yang bersesuaian bagi mengelakkan gangguan semasa peperiksaan secara dalam talian berlangsung.

2. Rujukan Sumber

- Pelajar boleh menjawab soalan dengan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang mungkin berguna.
- Pelajar dilarang merujuk sumber daripada rakan pelajar atau individu yang lain dan tertakluk kepada peraturan peperiksaan Universiti.
- Pelajar dikehendaki menandatangani borang akujanji peperiksaan dan diserahkan bersama buku jawapan.

3. Tempoh masa peperiksaan akhir

KREDIT KURSUS	TEMPOH BIASA	TEMPOH TAMBAHAN	TEMPOH PEPERIKSAAN
2	2 jam	30 minit	2.5 jam
3	3 jam	30 minit	3.5 jam

Masa tambahan 30 minit diberikan sebagai persediaan supaya pelajar dapat menghantar buku jawapan dalam tempoh masa peperiksaan mengikut kursus masing – masing menggunakan kaedah secara dalam talian seperti e-Learning/ Email/ Whatsapp atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian dengan pelajar.

4. Alatan yang diperlukan semasa peperiksaan dalam talian berlangsung

- Buku jawapan adalah kertas bersaiz A4 (atau lain - lain kertas dengan persetujuan bersama pensyarah masing - masing).
- Desktop/Laptop /telefon/lain-lain peranti dan internet untuk tujuan menyediakan jawapan, menyerahkan kertas jawapan kepada pensyarah atau tujuan-tujuan lain.
- Alat tulis (pelajar digalakkan menggunakan ball-pen berwarna biru)
- Kalkulator (Jika diperlukan)
- Buku, nota kuliah dan lain - lain yang berkaitan dengan kursus masing-masing sebagai rujukan (Jika diperlukan).
- Kertas graf dan lain-lain keperluan yang dimaklumkan oleh pensyarah masing-masing.

5. Buku Jawapan

- Tulis Nama, Nombor Matriks, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kursus, Nama Kursus, Seksyen dan Nama Pensyarah di penjuru atas kiri di buku jawapan, muka surat yang pertama.
- Setiap helai buku jawapan mesti ditulis dengan nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.
- Setiap jawapan bagi soalan baharu perlu dimulakan pada muka surat baharu.
- Jawapan hendaklah ditulis tangan (*handwriting*), kemas dan jelas.

6. Penerimaan Kertas Soalan

- Pelajar akan menerima kertas soalan melalui e-Learning/ Email/ Whatsapp atau lain-lain medium dalam tempoh 10 minit sebelum peperiksaan bermula.
- Sekiranya tiada penerimaan soalan atau terdapat sebarang permasalahan, pelajar perlu menghubungi dan memaklumkan kepada pensyarah dengan segera.
- Pelajar dikehendaki memastikan kod kursus kertas soalan yang diterima adalah betul dan lengkap.

7. Penghantaran Buku Jawapan

- Pelajar dikehendaki menghantar buku jawapan kepada pensyarah masing– masing menggunakan kaedah secara dalam talian melalui e-Learning/ Email/ Whatsapp atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian dengan pelajar dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Pelajar dikehendaki menyerahkan borang akujanji bersama buku jawapan.
- Untuk penghantaran, buku jawapan hendaklah dalam bentuk PDF (atau lain- lain bentuk yang dipersetujui oleh pensyarah masing-masing) dalam satu fail yang dinamakan seperti berikut

Nama Pelajar_NomborMatriks_KodKursus_Seksyen

- Penghantaran sekali sahaja diterima.
- Pelajar perlu memastikan fail buku jawapan disimpan sebagai bukti di tempat selamat (seperti online drive/external drive/screenshot) sehingga keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Peringatan Peraturan Peperiksaan

Peperiksaan secara dalam talian yang dibuat oleh pelajar merupakan proses pentaksiran yang perlu disiapkan secara individu dan bukan secara berkumpulan. Pelajar yang dikesan meniru atau plagiat jawapan rakan pelajar atau individu yang lain akan diberikan markah sifar (0) dan tindakan disiplin boleh diambil seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Universiti.